

20/08/1998

Nilai Asnita dijangka paling cepat melonjak

KETUA Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman yakin nilai Amanah Saham Wanita (Asnita) akan segera melonjak sekiranya berlaku pemantulan pasaran pada paras selesa.

Katanya, Asnita sebagai saham amanah yang terakhir disenaraikan ketika negara mengalami kegawatan masih mendapat sokongan baik daripada pelabur yang setakat ini berjaya mengutip kira-kira RM60 juta.

"Kita jangan lupa pelaburan dalam sesuatu amanah saham adalah untuk jangka panjang tetapi sebaik saja berlaku pemantulan pasaran, saya yakin nilai Asnita yang pertama akan meningkat," katanya selepas sidang akhbar Ekspo Niaga Wanita '98 di ibu pejabat Wanita Umno, semalam.

Dr Siti Zaharah berkata, Asnita, saham amanah yang ditawarkan pada RM0.50 seunit adalah yang terendah. Justeru, jika berlaku pemantulan ke atas pasaran dapat segera memulihkannya. Semalam, Asnita mencatat jualan pada RM0.40 dan belian RM0.44 seunit.

Asnita yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diuruskan oleh Hijrah Unit Trust Management Bhd (Hijrah) dengan pemegang amanah, Mayban Trustee Bhd dan Pengurus Dana oleh Metrowangsa Asset Management Sdn Bhd.

Asnita ditawarkan sebanyak 400 juta unit, dijangka menarik kira-kira 250,000 pelabur bagi tempoh satu tahun beroperasi.

Menurutnya lagi, kaedah yang dilakukan oleh pengurus dana juga meyakinkan Wanita Umno kerana sikap telus dan sentiasa memberi maklumat kepada masyarakat mengenai kedudukan Asnita.

"Pelbagai cara maklumat disediakan termasuk talian bebas tol serta penerangan kaedah juga konsep pelaburannya.

"Jika nilainya menurun sedikit, kita masih dapat menerima kerana kedudukan pasaran sekarang juga lemah," katanya.

Sementara itu, katanya, pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) masih belum memberi sebarang pengesahan mengenai permohonan Asnita membolehkan pencarum mengeluarkan wang untuk melabur dalam Asnita.

Dr Siti Zaharah berkata, mungkin ada sebab tertentu KWSP masih berdiam diri, bagaimanapun pihaknya masih berharap mendapat kelulusan itu.

"Mungkin mereka ada alasan tertentu," katanya.

Bagaimanapun, beliau berpuas hati kerana seluruh rakyat memberi sokongan yang baik kepada Asnita walaupun negara sedang menghadapi kegawatan ekonomi.

(END)